



## "KEMUSNAHAN AKIBAT RIBA' "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَتَاءُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا  
تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَن  
تَكُونَ تَجْرِةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا  
أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا .

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ  
وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا آتُّهُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memperbanyak zikir kepada Allah SWT dan memperbanyak selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan rahmat kepada kita di dunia dan di akhirat.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Riba' adalah merupakan salah satu bentuk amalan urusniaga mengambil hak orang lain secara batil. Amalan riba' ini telahpun dilakukan semenjak zaman jahiliah lagi. Apabila Islam muncul, Allah SWT telah mengharamkan amalan riba ini melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 275:

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

"Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba'".



Menurut Imam al-Syafie, riba dapat dertiikan sebagai satu akad yang disertai dengan nilai tambah untuk suatu usaha tertentu yang tidak jelas menurut syariat. Antara nilai tambah yang dianggap sebagai riba adalah seperti akad hutang piutang yang disyaratkan bayaran lebih tinggi ketika pemulangan atau kelewatan bayaran pinjaman tersebut. Begitu juga di dalam jual beli; apabila berlaku lebihan nilai di dalam pertukaran barang tertentu seperti barang emas, perak, gandum dan seumpamanya maka ia dianggap sebagai riba. Apa yang jelas, perbuatan riba ini adalah haram menurut syariat Islam.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Mereka terlibat dengan riba' di dunia ini telah diancam oleh Allah SWT dengan pelbagai bentuk azab dan kesusahan, antaranya:

- Pertama : Orang yang terlibat dengan riba' tidak mendapat ketenangan dalam beribadah kerana Allah SWT tidak memberikan keberkatan pada harta yang dimilikinya dengan cara riba'.
- Kedua : Orang yang terlibat dengan riba' akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan terhuyung-hayang sepetimana orang yang dirasuk syaitan.
- Ketiga : Orang yang mengulangi amalan riba' ini akan dimasukkan ke dalam api neraka dan kekal selamalamanya.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sekalipun Islam tidak menghalang umatnya mencari kekayaan melalui perniagaan, tetapi keuntungan yang diperolehi daripada amalan riba' adalah dianggap keji menurut syariat Islam. Ini kerana amalan riba' itu merupakan suatu bentuk kezaliman dan penindasan ke atas orang lain demi mengaut keuntungan dunia dengan cara yang salah di sisi syarak. Perbuatan zalim dan menindas orang lain melalui amalan riba' ini banyak dilakukan oleh agensi-agensi pinjaman haram seperti ah-long, ceti dan yang seumpamanya. Adakalanya, kezaliman mereka ini sehingga menyebabkan kecelakaan dan kematian kepada peminjam atau ahli keluarganya.

Antara bentuk penindasan di dalam amalan riba yang banyak berlaku pada hari ini ialah seperti menetapkan kadar bunga atau faedah dalam pinjaman, mengenakan bayaran berganda kerana lewat membayar pinjaman dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, apabila seseorang ingin membuat pinjaman akan dikenakan syarat supaya membayar lebih daripada pinjaman asal. Kemudian, apabila peminjam lewat melunaskan hutangnya, maka pihak yang memberi pinjaman tersebut akan mengenakan syarat supaya membayar dengan kadar yang lebih tinggi lagi. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya tekanan ke atas peminjam kerana terpaksa membayar pinjamannya sehingga berlipat kali ganda daripada jumlah pinjaman yang sebenarnya. Perkara seperti ini sudah tentu akan menjaskan masa depan peminjam kerana terpaksa menanggung beban hutang riba yang sentiasa meningkat pada setiap masa.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Umat Islam telah diperintahkan agar menghindarkan diri daripada amalan riba kerana ia mendatangkan banyak kemusnahan samada kepada individu mahupun masyarakat. Antara bentuk kemusnahan daripada amalan riba adalah ia akan menyebabkan hilangnya semangat tolong-menolong di kalangan umat Islam. Memang pada dasarnya, amalan memberi hutang adalah suatu perbuatan yang baik kerana ia dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh orang lain. Malangnya, apabila amalan ini telah diresapi oleh unsur-unsur riba, maka ia akan merosakkan tujuan asal hutang ini diberikan, iaitu untuk membantu orang-orang yang memerlukannya.

Seterusnya, bentuk kemusnahan yang berlaku akibat daripada amalan riba ialah rosaknya institusi kekeluargaan di dalam Islam. Pada hakikatnya, institusi kekeluargaan ini memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi yang bakal menjadi penentu masa depan negara. Oleh kerana itu, usaha untuk membentuk generasi ini perlu dilakukan sebaiknya dengan memastikan sumber pendapatan yang digunakan untuk membesarkan mereka adalah halal.

Apabila anak-anak dibesarkan dengan menggunakan sumber pandapatan yang halal, maka seluruh kehidupan mereka akan diberkati oleh Allah SWT. Sebaliknya apabila mereka dibesarkan dengan sumber pendapatan yang haram, kehidupan mereka pasti menjadi kucar kacir lantaran darah daging mereka sendiri mengandungi sumber-sumber yang haram termasuklah hasil daripada amalan riba. Kehidupan seperti ini, bukan sahaja merosakkan diri sendiri, bahkan juga akan meruntuhkan seluruh kehidupan ahli keluarganya. Sesungguhnya sebuah kehidupan



yang bersumberkan hasil riba dan juga sumber-sumber haram yang lain adalah amat dicela oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana sabdanya :

كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ حَرَامٍ فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.

"Setiap daging yang tumbuh daripada hasil yang haram, maka nerakalah tempat yang lebih utama baginya".

(Riwayat at-Tirmidzi)

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,**

Perkara yang tidak kurang penting juga akibat daripada amalan riba adalah ianya menjadi punca yang menyebabkan runtuhnya ekonomi umat Islam. Memang tidak dapat dinafikan, terdapat sebahagian peniaga yang tidak mempunyai modal mencukupi untuk menjalankan perniagaan. Oleh kerana itu, mereka terpaksa membuat pinjaman perniagaan samada daripada individu-individu tertentu mahupun daripada institusi-institusi kewangan. Apabila pihak pemberi pinjaman mengenakan riba' secara keterlaluan di atas pinjaman mereka, maka sudah tentulah akan menjelaskan pendapatan peniaga tersebut. Apatah lagi jika perniagaan tersebut tidak mendatangkan sebarang keuntungan. Dalam keadaan sebegini, sudah pasti peniaga itu gagal melunaskan hutang-hutangnya, bahkan tidak mustahil juga peniaga itu akan menjadi muflis. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 130:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَرْبَوْا أَصْعَافًا  
مُضَعَّفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

ص ١٣.

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba' dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya".

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,**

Hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَيْقَنُ أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرِّبَّا فَإِنْ لَمْ يَأْكُلْهُ أَصَابَهُ مِنْ غَبَارٍ.

"Akan datang kepada manusia suatu zaman di mana semua orang memakan riba, maka jika sekiranya dia tidak memakan riba, dia akan terkena debu-debunya juga".

(Riwayat Abu Daud & Nasa'i)

Inilah musibah yang menimpa umat akhir zaman ini apabila mereka menjadikan riba' sebagai sebahagian daripada budaya kehidupan mereka. Lantaran itu, kita sebagai umat Islam tidak seharusnya memandang ringan mengenai amalan riba' yang masih berleluasa ini. Marilah kita bersama-sama memohon kehadrat ilahi agar dijauhkan olehnya daripada tergolong



ke dalam kalangan orang-orang yang mengamalkan riba'. Marilah kita berusaha menghindarkan diri kita terlibat dengan sebarang bentuk urusniaga konvensional yang mengenakan unsur riba' sama ada dalam urusan jual beli, urusan pinjaman, pajak gadai dan lain-lain lagi. Marilah kita beralih kepada institusi-institusi kewangan yang menjadikan Islam sebagai landasan perniagaan mereka. Mudah-mudahan usaha yang kita lakukan ini akan dapat membebaskan diri kita sepenuhnya daripada debu-debu riba yang melanda umat akhir zaman ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
فَإِنْ لَمْ تَفْعِلُوا فَإِذَاً نُؤْخِدُكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ  
وَلَا تُظْلِمُونَ

ص

٢٧٩

*"Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba' itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya perang dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak akan selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa".*

(Al-Baqarah : 279)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ حَيَّا آذِنِينَ. إِنَّمَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبَحْفِظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّمَاعُور، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ  
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ  
عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعَمِهِ، يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.